

28 FEBRUARI 2018

## Lima lelaki diberkas cuba seludup syabu ke Sabah

### Lima lelaki diberkas cuba seludup syabu ke Sabah



**SANDAKAN** - Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) berjaya mematahkan kes penyeludupan dadah disyaki jenis syabu di Lapangan Terbang Sandakan di sini semalam.

Difahamkan, dalam kejadian kira-kira pukul 9.30 pagi itu, pasukan JKDM yang bertugas

**BEBERAPA** pegawai kastam memberkas salah seorang lelaki yang cuba melarikan diri ketika ditahan di Lapangan Terbang Sandakan kerana menyeludup syabu semalam.

di balai ketibaan lapangan terbang terbabit menahan lima lelaki tempatan dipercayai dalang kepada sindiket penyeludupan dadah tersebut.

Menurut sumber, dadah berkenaan didapati disorok di dalam empat begasi dipercayai milik kesemua lelaki yang baru sahaja tiba di daerah ini dengan menaiki pesawat AirAsia dari Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur 2 (KLIA 2).

Tambah sumber, empat suspek yang beralamat di Kuala Lumpur manakala seorang lagi

beralamat di Perak ditangkap pihak JKDM untuk tindakan lanjut.

Bagaimanapun, semasa operasi itu suspek dikatakan cuba bertindak agresif dan sempat bergelut dengan pihak berkuasa ketika ditahan.

Sementara itu, Pengarah JKDM Negeri Sabah, Datuk Hamzah Sundang mengesahkan mengenai tangkapan itu namun enggan mengulas lanjut.

"Siasatan masih dijalankan, tunggu sidang akhbar," katanya ringkas.